



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan mendapati masih wujud kelemahan dalam pengurusan kewangan, pelaksanaan program/projek/aktiviti jabatan/agensi negeri. Sebagai rumusan, enam cadangan utama telah dikemukakan untuk mengatasi kelemahan yang dibangkitkan:

- a. Kerajaan Negeri hendaklah mengamalkan perbelanjaan secara berhemat dan mengurangkan tunggakan hasil supaya kedudukan kewangan Kerajaan Negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh.
- b. Projek pembangunan hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat.
- c. Setiap jabatan/agensi negeri perlu memastikan tahap pematuhan yang tinggi terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.
- d. Pegawai pengawal/ketua jabatan/ketua agensi hendaklah mempertingkatkan pemantauan urusan kewangan, mewujudkan sistem semak dan imbang serta mempertingkat aspek latihan dan keupayaan pegawai.
- e. Jabatan/agensi negeri perlu mempertingkatkan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya dan menyediakan perancangan audit tahunan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan. UAD juga perlu membuat penilaian secara objektif dan bebas, bukan sekadar berkaitan dengan aspek kawalan dalaman, malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi. UAD perlu melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang dapat memberi impak kepada organisasi.
- f. Jabatan/agensi negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama berlaku dalam aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

Putrajaya

23 Ogos 2024

